

02/07/2001

Malaysia tetap pertahan hak di Sabah

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia akan melakukan apa saja bagi mempertahankan hak dan kedaulatan negara terhadap Sabah serta pulau di perairannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan kerajaan akan memastikan keadaan itu kekal untuk selama-lamanya.

"Kita akan pertahankan hak dan kedaulatan kita di Sabah dengan apa cara sekali pun.

"Sabah, Ligitan dan Sipadan adalah hak kita," katanya pada sesi dialog dengan kira-kira 2,000 pemimpin mahasiswa pada Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Auditorium Perdanasiswa, Universiti Malaya, di sini, hari ini.

Perdana Menteri menjawab kebimbangan wakil mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengenai kedudukan negeri itu berikutan tindakan Filipina mencelah kes tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan yang kini dibicarakan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Mahasiswa berkenaan yang khuatir tindakan Manila itu sebagai usaha berterusan menuntut Sabah, turut melafazkan kesediaan dan kesanggupan mahasiswa UMS bersama kerajaan mempertahankan kedaulatan Sabah sebagai wilayah Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengambil pelbagai langkah bagi mempertahankan kedaulatan wilayahnya termasuk menubuhkan badan khas bagi mengkaji serta mengumpul bukti yang menyokong tuntutan negara.

"Sebab itu kita kemukakan bukti itu kepada ICJ dengan harapan ia dapat diadili," katanya.

Dr Mahathir turut menyifatkan tindakan Filipina mencelah perbicaraan tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan itu sebagai "menanggung di air keruh".

"Ada orang tumpang 'tui' untuk diri mereka...jagalah diri sendiri," katanya.

Tindakan Filipina mencelah perbicaraan tuntutan Indonesia ke atas kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan daripada Malaysia itu dilihat sebagai cubaan Manila menguji peluangnya untuk menuntut Sabah.

Menjawab soalan berhubung kedudukan agama Islam di negara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan melaksanakan hukum Islam secara berperingkat mengikut kemampuan serta keadaan negara sehingga Islam dapat diamalkan dengan bebas dan sempurna.

Perdana Menteri berkata, tiada satu negara Islam di dunia ini termasuk Arab Saudi dan Iran yang melaksanakan hukum hudud secara sepenuhnya kerana kesukaran untuk berbuat demikian walaupun hampir semua penduduk negara berkenaan beragama Islam.

Malah, katanya, Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, kini menyatakan hukum hudud hanyalah sebahagian kecil daripada hukum Islam dan pelaksanaannya perlu mengambil kira keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang agama.

"Saya tidak tahu apa yang kerajaan tidak laksanakan kerana kita kini dapat mengamalkan Islam tanpa gangguan. Kita ada kemudahan seperti masjid, Tabung Haji, Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya," katanya sambil menambah dunia sendiri mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam contoh.

(END)